

Ruj. Kami : USM52/4 JLD. XL VI

Tarikh : 7 April 2025

Kepada : Semua Staf Pelaksana (Tetap dan Telah Disahkan Jawatan)
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 20 TAHUN 2025:

- PEMBERIAN KEMUDAHAN ELAUN CERMIN MATA KEPADA STAF KUMPULAN PELAKSANA UNIVERSITI BERSTATUS TETAP DAN TELAH DISAHKAN DALAM JAWATAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju dan meluluskan Pemberian Kemudahan Elaun Cermin Mata kepada **Staf Kumpulan Pelaksana Universiti (Gred 1 – Gred 8) yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan berkuat kuasa mulai 1 April 2025.**

2. Pemberian elaun cermin mata ini adalah untuk tempoh **tiga (3) tahun sekali dengan maksimum pembelian adalah sebanyak RM300.00 seorang.** Kemudahan elaun ini tidak meliputi kos pembelian *contact lens* dan cermin mata hitam. Sekiranya harga cermin mata melebihi kadar peruntukan yang diberikan, staf berkenaan perlu menanggung lebih kos pembelian tersebut.

3. Staf boleh membuat pembelian cermin mata dengan mengemukakan perakuan optometri klinik rawatan mata atau kedai cermin mata yang mengesahkan masalah rabun dan **membuat tuntutan melalui sistem e-Claim** dengan memuat naik resit pembelian serta perakuan optometri. Bersama ini disertakan tatacara kemudahan elaun cermin mata untuk rujukan tuan/puan. **Sila ambil perhatian, tuntutan boleh dibuat melalui sistem bermula 8 April 2025 (Selasa).**

4. Pihak Universiti berharap dengan pemberian elaun kemudahan cermin mata ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban staf pelaksana yang menghadapi masalah penglihatan mendapatkan cermin mata yang berkualiti dan dapat berkhidmat dengan lebih efisien.

5. Sebarang pertanyaan mengenai kemudahan tersebut, tuan/puan boleh majukan kepada **Puan Norazlinda binti Muda, Ketua Unit Perhubungan dan Kesejahteraan Staf (UPKS) di talian 04-653 6096 atau e-mel (m.azlinda@usm.my).**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 20 TAHUN 2025:

- **PEMBERIAN KEMUDAHAN ELAUN CERMIN MATA KEPADA STAF KUMPULAN PELAKSANA UNIVERSITI BERSTATUS TETAP DAN TELAH DISAHKAN DALAM JAWATAN**
-

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Bendahari

Pengarah, Kampus Kejuruteraan

Pengarah, Kampus Kesihatan

Pengarah, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Pengarah, Pusat Sejahtera


Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

TATACARA PERMOHONAN KEMUDAHAN ELAUN CERMIN MATA



PETUNJUK:

PTPO - Pembantu Tadbir/Perkeranian Operasi
UPKS - Unit Perhubungan & Kesejahteraan Staf
BSM - Bahagian Sumber Manusia